



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI
Ministry of Entrepreneur Development and Cooperatives



SIARAN MEDIA

YBR SALUR BANTUAN KEPADA 450 KELUARGA MANGSA BANJIR DI HULU LANGAT

Putrajaya, 13 November 2020 – Yayasan Bank Rakyat bertindak dengan menyalurkan bantuan kewangan sebanyak **RM90,000** kepada **450** keluarga di daerah Hulu Langat yang terjejas akibat banjir kilat yang berlaku pada 3 November yang lalu.

Peruntukan yang dibuat ini merangkumi keseluruhan keluarga yang mendiami penempatan di sekitar mukim/dun Hulu Langat (Dusun Tua), Hulu Langat (Sungai Serai) dan Hulu Langat (Kg.Dusun Nanding).

Pengerusi Yayasan Bank Rakyat, Datuk Nazir Hussin Akhtar Hussin berkata, bantuan sebanyak **RM200** akan disumbangkan kepada setiap keluarga yang telah dikenalpasti terkesan daripada musibah ini yang telah mengakibatkan kemusnahan dan kerosakan harta benda.

Tambah beliau lagi hasil daripada makluman yang diterima, difahamkan secara keseluruhan seramai lebih 1,460 keluarga memerlukan bantuan yang rata-ratanya memerlukan keperluan asas dan pelbagai lagi keperluan lain bagi kelangsungan hidup.

Cakna dengan kesulitan yang dihadapi, satu sesi penyerahan bantuan telah disempurnakan oleh Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) YB. Dato Sri Dr. Hj Wan Junaidi Bin Tuanku Jaafar. Turut serta hadir adalah Datuk Haji Johan Abdul Aziz, Pengerusi BN Hulu Langat.

Sementara itu, Dato Sri Wan Junaidi juga berkata, bantuan ini dilihat sebagai satu aktiviti kemasyarakatan seiring dengan keprihatinan kerajaan dalam memfokuskan kesejahteraan rakyat serta membantu mereka yang memerlukan khususnya yang ditimpa bencana.

“Inisiatif sebegini merupakan medium terbaik bagi pihak YBR sendiri untuk mendekati masyarakat serta mengeratkan ukhwah silaturrahim dikalangan masyarakat setempat,” katanya.

Melalui bantuan yang disalurkan kepada mereka ini diharapkan agar dapat meringankan beban yang ditanggung oleh mangsa dalam mengharungi saat-saat sukar ditambah pula dengan lanjutan tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang dikenakan kepada seluruh negeri di semenanjung Malaysia kecuali negeri Perlis, Kelantan dan Pahang mulai 9 November hingga 4 Disember 2020.

YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI TUANKU JAAFAR MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

MENGENAI YAYASAN BANK RAKYAT

Sejak ditubuhkan pada 16 Mei 2007, Yayasan Bank Rakyat (YBR) komited membantu rakyat Malaysia yang kurang berkemampuan, ahli-ahli Bank Rakyat dan anak-anak mereka dalam bidang pendidikan dan pembangunan modal insan. Komitmen ini terbukti oleh skala program penajaan YBR – sehingga 1 Januari 2020, YBR telah menaja lebih daripada 4,840 pelajar dengan jumlah keseluruhan tajaan melebihi RM 130 juta bagi meneruskan pengajian di institusi pengajian tinggi.

YBR berdedikasi meningkatkan pengalaman pembelajaran pelajar melalui strategi yang inovatif, boleh diubah suai dan berasaskan bukti bagi menyiapkan sediakan mereka supaya dapat berkembang maju dalam pelajaran, kerjaya, dan kehidupan dewasa.

YBR bercita-cita untuk mewujudkan sebuah dunia pembelajaran yang baharu; tempat di mana pelajar dan ibu bapa, guru dan pentadbir, penggubal dasar serta masyarakat diperkasakan untuk mengubah pendidikan ke arah yang lebih baik; tempat di mana sekolah menyediakan pembelajaran berteraskan projek yang lebih rapi, pembelajaran sosial-emosi serta akses kepada teknologi baru; tempat di mana inovasi ialah satu peraturan bukannya pengecualian; tempat di mana pelajar menjadi penuntut ilmu sepanjang hayat di samping membangunkan kemahiran abad ke-21.

Pihak Media Boleh Menghubungi :

Nur Izzaty Kamarudin

Telefon : 03 2612 9600 samb: 8955 H/p: 017 703 3583

Faks : 03 2260 1050 Email: nurizzaty@yayasanbankrakyat.com.my